

Sumber Pengetahuan Kaunseling Islam dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling

BITARA

Volume 8, Issue 2, 2025: 163-174
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 1 May 2025
Accepted: 20 May 2025
Published: 5 June 2025

[Sources of Islamic Counselling Knowledge among School Guidance and Counselling Teachers]

Mohd Khir Johari Abas,¹ Md Noor Saper^{1*} & Nurul 'Ain Mohd Daud¹

¹ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
E-mail: khrjohari@yahoo.com; md.noor@fpm.upsi.edu.my; nurul.ain@fpm.upsi.edu.my

*Corresponding Author: md.noor@fpm.upsi.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan meneliti sumber pemerolehan, aplikasi dan penilaian pengetahuan kaunseling Islam dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) di sekolah menengah Malaysia. Tidak seperti kajian terdahulu yang berfokus pada institusi pengajian tinggi atau komuniti luar, kajian ini memfokuskan amalan sebenar GBK dalam sistem pendidikan kebangsaan yang bersifat pelbagai etnik dan budaya. Reka bentuk kajian kes pelbagai lokasi digunakan dengan pendekatan kualitatif interpretif, melibatkan temu bual separa berstruktur terhadap 19 orang GBK berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima tahun. Data dianalisis menggunakan kaedah tematik dengan bantuan perisian NVivo 12. Dapatan menunjukkan dua tema utama, iaitu pembelajaran secara formal dan tidak formal. Pendidikan formal melalui pembelajaran formal di institut pengajian tinggi menyediakan asas pengenalan, namun kurang menyentuh aspek kerangka *turāth* atau *tazkiyah al-nafs* secara mendalam. Sebaliknya, pembelajaran tidak formal seperti kursus anjuran jabatan agama, *halaqah* ilmu dan bimbingan tokoh menjadi sumber dominan. Walau bagaimanapun, pendekatan ini kurang berpandukan sistem penyeliaan atau penilaian *epistemik* yang tersusun. Ini mencetuskan cabaran apabila pendekatan Islam dijadikan sekadar pelengkap kepada teori Barat, bukan sebagai kerangka tafsir utama. Kajian ini mencadangkan pembangunan model latihan bersepadu berasaskan hierarki ilmu Islam yang mengintegrasikan sumber wahyu, teks *turāth* dan penapisan *maqāsid*. Penemuan ini memberikan asas kukuh untuk reformasi latihan kaunselor di sekolah, demi memastikan amalan kaunseling Islam kekal sahih, lestari dan sesuai dengan kerangka keilmuan Islam yang menyeluruh. Justeru, kajian ini mencadangkan pembinaan garis panduan amali dan latihan lanjutan untuk meningkatkan keberkesanan pendekatan kaunseling Islam di sekolah. Kajian lanjutan dicadangkan untuk menilai keberkesanan latihan tersebut dalam meningkatkan kualiti amalan dan kefahaman profesionalisme kaunselor sekolah secara lebih menyeluruh.

Key Words: Kaunseling Islam, Sumber pengetahuan, Guru Bimbingan dan Kaunseling.

Abstract

This study aims to examine the sources, application, and evaluation of Islamic counselling knowledge among Guidance and Counselling Teachers (GBK) in Malaysian secondary schools. In contrast to prior research that primarily focused on institutions of higher education or community-based settings, this study investigates the actual practices of GBK within the culturally and ethnically diverse national school system. An interpretive qualitative approach was employed using a multiple-case study design across various school locations. Data were collected through semi-structured interviews with 19

registered GBK practitioners accredited by the Malaysian Board of Counsellors (LKM), each with a minimum of five years' experience. Thematic analysis was conducted using NVivo 12 to identify and organise emerging patterns. Two key themes were identified: formal and informal learning pathways. While formal education provided foundational exposure through academic courses at higher learning institutions, it lacked engagement with deeper frameworks of Islamic scholarly tradition and spiritual refinement. In contrast, informal learning—such as religious training courses, study circles, and mentorship from senior figures—emerged as the dominant source of knowledge. However, these informal approaches were not guided by structured academic supervision or epistemological validation. This creates challenges when Islamic elements are positioned merely as supplementary to Western psychological frameworks, rather than serving as the primary interpretive lens. The study recommends the development of an integrated training model grounded in a coherent Islamic knowledge framework, to strengthen the validity and sustainability of Islamic counselling practices in schools. Practical guidelines and advanced training programmes are proposed to enhance school-based implementation. Future research is recommended to empirically evaluate the effectiveness of such training in improving the quality and professionalism of school counsellors' Islamic counselling practices.

Key Words: Islamic counselling, Knowledge sources, Guidance and Counselling Teachers



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Mohd Khir Johari Abas, Md Noor Saper & Nurul 'Ain Mohd Daud. (2025). Sumber Pengetahuan Kaunseling Islam dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling [Sources of Islamic Counselling Knowledge among School Guidance and Counselling Teachers]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(2): 163-174.

Pengenalan

Perkembangan kaunseling Islam di Malaysia menuntut satu kerangka pengetahuan yang sistematik, sahih dan kontekstual. Namun, kajian menunjukkan bahawa sumber pengetahuan yang digunakan oleh kaunselor Muslim masih bersifat tidak seragam dan tidak distruktur secara nasional (Norazlina & Amir, 2022). Kebanyakan amalan bergantung kepada pembelajaran tidak formal seperti kursus, seminar, dan pembacaan sendiri, dengan sedikit rujukan langsung kepada teks *turath*. Keadaan ini menimbulkan cabaran *epistemik* apabila Islam dijadikan sekadar pelengkap kepada teori Barat, bukan sebagai kerangka pentafsiran utama.

Badri (2020), menegaskan bahawa psikologi Barat yang diimport ke dunia Muslim bersifat sekular, materialistik dan tidak sejajar dengan asas akidah Islam. Beliau menyarankan agar para sarjana Islam kembali merujuk kepada al-Quran, sunnah dan karya klasik seperti al-Balkhī dan al-Ghazālī sebagai asas pembinaan psikologi alternatif yang berpaksikan tauhid (Badri, 2020). Justeru, kajian ini bertujuan menyelidik secara *empirikal* sumber pengetahuan yang digunakan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) dalam mengamalkan kaunseling Islam di sekolah. Ia merangkumi bentuk pembelajaran formal dan tidak formal, serta sejauh

mana rujukan kepada tokoh dan tradisi keilmuan Islam membentuk kefahaman mereka dalam konteks pendidikan Malaysia yang pelbagai budaya.

Sorotan Literatur

Literatur semasa menunjukkan bahawa amalan kaunseling Islam sering dikembangkan tanpa sandaran epistemologi yang tersusun. Kebanyakan pendekatan yang didakwa bercirikan Islam hanya menyerap nilai Islam secara luaran ke dalam kerangka psikologi Barat, tanpa membina asas metodologi berteraskan ontologi Islam itu sendiri (Roslina & Siti Fatimah, 2021). Ketiadaan kefahaman mendalam tentang struktur jiwa menurut pandangan Islam menyebabkan penekanan diberikan kepada teknik dan aplikasi, bukan kepada pembangunan ilmu yang holistik dan berturutan. Secara tersirat, ini menggambarkan bahawa penguasaan pengetahuan kaunseling Islam masih berlaku dalam bentuk pembelajaran yang tidak berstruktur dan longgar, serta tidak berpaksikan kerangka ilmu yang berhierarki.

Majoriti kaunselor bergantung kepada bengkel, kursus dan *halaqah* sebagai sumber utama pengukuhan kompetensi. Kajian Yusni et al. (2023) mendapati 84.4% kaunselor dilaporkan mengintegrasikan elemen spiritual dalam sesi. (Yusni et al., 2023) Namun hanya sebahagian kecil yang mengikuti latihan secara formal (Norazlina & Amir, 2022). Situasi ini menunjukkan kerapuhan pada kerangka epistemologi Islam yang sepatutnya menjadi asas.

Pendidikan formal seperti kuliah dan latihan praktikal dilihat mampu meningkatkan kemahiran, namun sering dipengaruhi oleh pendekatan psikologi Barat yang hanya disadur secara luaran tanpa rujukan mendalam kepada *turāth* (Setyawan, 2020; Kartika et al., 2022). Dalam konteks latihan tidak formal pula, latihan rakan sebaya dilaporkan mampu meningkatkan kepekaan terhadap isu psikospiritual (Permana et al., 2021), manakala pendekatan berasaskan al-Quran didapati berkesan membina daya tahan dan akhlak Islami (Razak et al., 2022), namun keberkesanannya masih bergantung kepada sistem pengawasan akademik bagi mengelakkan penyebaran maklumat yang lemah dan tidak berautoriti (Basri & Kalida, 2024). Lebih membimbangkan, beberapa kajian terdahulu turut membuktikan bahawa pengetahuan yang dibina tidak banyak merujuk kepada kerangka epistemologi Islam yang berhierarki (Rassool & Ahmed Khan, 2023).

Situasi tersebut turut disentuh Malik Badri dalam karyanya *The Islamization of Psychology*. Badri (2010), menekankan pentingnya hierarki sistematik dalam mengintegrasikan prinsip Islam ke dalam psikologi Barat (Badri, 2020). Beliau meletakkan al-Quran dan sunnah sebagai asas tertinggi, diikuti oleh tafsiran ulama dan fiqh, sebelum menggabungkannya dengan ilmu psikologi moden. Pendekatan yang sama turut dinyatakan oleh Abu Raiya (2015), yang meletakkan al-Quran sebagai rujukan utama kaunseling Islam. Badri juga membezakan antara islamisasi wajib (seperti adaptasi teknik terapi agar selari dengan kepercayaan spiritual Muslim) dan islamisasi sunat (seperti penggunaan ibadah khusus untuk menguatkan keimanan), menekankan keutamaan memenuhi keperluan asas klien sebelum menambah nilai spiritual. Selain itu, beliau menyarankan hierarki kredibiliti akademik di mana islamisasi hanya

boleh dipimpin oleh ahli psikologi yang mahir dalam kedua-dua disiplin Islam dan Barat, serta mampu mengkritik teori sekular secara mendalam. Badri turut memetakan penerimaan ilmu Barat dengan memisahkan ilmu “*neutral*” (*neurosains*, statistik) yang boleh diterima langsung, daripada ilmu berasaskan sekularisme (seperti psikoanalisis Freud) yang perlu ditapis atau ditolak. Tujuan kerangka ini ialah untuk memastikan proses islamisasi dalam psikologi berakar pada integriti ilmu dan bukan semata-mata retorik.

Literatur juga menunjukkan bahawa penguasaan pengetahuan dalam amalan kaunseling Islam tidak boleh berdiri hanya atas kefahaman praktikal atau teori psikologi moden semata-mata, tetapi menuntut integrasi epistemologi Islam yang berpaksikan wahyu, *turāth* dan dimensi kerohanian yang mendalam (Rothman et al., 2022). Dalam amalan semasa, cabaran utama ialah ketiadaan sistem pengetahuan yang distruktur secara hierarki, menyebabkan ramai kaunselor Muslim bergantung kepada sumber tidak rasmi seperti media sosial dan kuliah dalam talian yang tidak disaring, sekali gus menjejaskan keabsahan ilmu (Askar et al., 2025; DeCuir, 2025). Pengetahuan yang sahih menurut kerangka Islam tidak boleh disamakan dengan teori Barat yang sekular dan individualistik kerana ia bertitik tolak daripada struktur jiwa seperti *nafs*, *qalb* dan *ruh* sebagai asas perubahan spiritual (Rothman et al., 2022; Rothman & Coyle, 2021; Abu Raiya & Pargament, 2011).

Nilai dan pengalaman budaya dalam lingkungan turut menjadi unsur penting dalam pembentukan pengetahuan kaunselor (Hafiza et al., 2024), khususnya dalam kalangan komuniti Muslim minoriti (Osei-tutu & Affram, 2023). Walaupun ada kaunselor yang mampu mengintegrasikan elemen spiritual seperti zikir dan doa dalam sesi, penguasaan pengetahuan kaunseling Islam secara umumnya masih belum bersifat sistematik. Sebaliknya, ia banyak bergantung kepada inisiatif individu melalui pengalaman praktikal dan latihan tidak formal yang bersifat sendiri (Keskinoglu & Ekşi, 2019; Hamid et al., 2022). Justeru, wujud keperluan terhadap latihan yang berpaksikan hierarki ilmu Islam bagi memastikan amalan kaunseling Islam benar-benar mendukung identiti, etika, dan matlamat *tazkiyah* yang menjadi asas pembangunan diri menurut perspektif Islam (Tanhan & Young, 2022; Muhammad Ashraf et al., 2019).

Daripada keseluruhan kajian-kajian terdahulu menunjukkan wacana tentang sumber pengetahuan kaunseling Islam semakin berkembang. Namun, kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada konteks umum. Kajian-kajian tersebut belum secara tuntas meneliti bagaimana GBK di sekolah memperoleh, mengaplikasi dan menilai sumber pengetahuan mereka dalam kerangka pendidikan formal yang pelbagai etnik dan budaya. Oleh itu, jurang ini menuntut kepada penelitian yang lebih kontekstual dan berpaksikan pengalaman lapangan. Kajian ini cuba mengisi kekosongan tersebut dengan membina pemahaman empirikal yang berakar daripada realiti sebenar amalan GBK di sekolah menengah Malaysia.

Metodologi

Kajian ini dijalankan berasaskan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes pelbagai tapak, selaras dengan panduan yang dikemukakan oleh Yin (2018). Dari aspek asas ontologi dan epistemologi, pendekatan *konstruktivisme-interpretivisme* digunakan sebagai kerangka utama, manakala strategi induktif diaplikasikan bagi menelusuri makna tersirat dalam fenomena yang sedang diteliti (Cresswell, 2014). Kaedah pengumpulan data tertumpu kepada temu bual separa berstruktur sebagai sumber utama. Peserta kajian dipilih melalui pensampelan bertujuan, melibatkan 19 orang Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia, mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima tahun dalam bidang, serta terbukti mengamalkan pendekatan kaunseling berteraskan Islam di peringkat sekolah.

Bagi proses analisis data, penyelidik mengadaptasi kerangka enam tahap seperti yang diperincikan oleh Cresswell (2014), bermula dengan proses penyusunan data mentah, diikuti bacaan awal dan kefahaman holistik terhadap data, pengekodan peringkat awal, pembangunan kategori dan tema utama, penyusunan naratif tematik, serta penginterpretasian makna yang mendalam daripada dapatan. Sepanjang keseluruhan proses ini, penggunaan perisian NVivo 12 dimanfaatkan untuk memperkemas pengekodan serta pengurusan data secara terancang (Yin, 2018). Bagi meningkatkan integriti metodologi dan ketekalan dapatan, semakan ahli turut dijalankan sebagaimana disarankan oleh Merriam & Tisdell (2016), sebagai langkah memantapkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian.

Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis tematik ke atas transkrip temu bual, dua tema utama telah dikenal pasti berhubung dengan cara GBK memperoleh pengetahuan berkaitan kaunseling pendekatan Islam: (1) pembelajaran secara formal, dan (2) pembelajaran secara tidak formal. Setiap tema mengandungi beberapa kategori dan kod yang dikembangkan daripada data lapangan, serta disokong oleh *literatur* terkini dan tradisi epistemologi Islam.

Tema pertama kajian iaitu pembelajaran secara formal menunjukkan bahawa pengetahuan kaunseling Islam dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) diperoleh melalui pendidikan *tertiari*. Ia merangkumi kursus rasmi di universiti, penyediaan mini tesis berkaitan kaunseling Islam, serta pendedahan melalui subjek yang mengintegrasikan elemen Islam dalam silibus pengajian. Bahkan PK07, PK10 dan PK19 menyatakan bahawa pengalaman akademik mereka di institusi pengajian tinggi menjadi titik mula pengenalan kepada pendekatan kaunseling Islam secara lebih sistematik.

Dapatan menunjukkan bahawa sebahagian peserta kajian memperoleh asas pengetahuan kaunseling Islam menerusi pendidikan tinggi yang menawarkan kursus formal seperti *Islamic Counselling*, atau integrasi elemen Islam dalam silibus arus perdana. PK07 menegaskan, “*Sarjana saya memang... tesis tu memang khusus dalam kaunseling Islam*” (PK07/49–50),

manakala PK10 menyatakan, “*Di UIA... setiap subjek tu dia memang ada Islamic element*” (PK10/43–44). Ini memperlihatkan bahawa institusi pengajian tinggi berperanan sebagai medium awal dalam memperkenalkan nilai-nilai kaunseling Islam kepada bakal kaunselor.

Namun, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa pendedahan ini cenderung bersifat permukaan dan tidak menyeluruh. PK07 dan PK10 menunjukkan bahawa meskipun pendidikan *tertiari* memperkenalkan pendekatan kaunseling Islam melalui kursus dan projek ilmiah, pendedahan tersebut lazimnya bersifat umum dan tidak menjurus kepada pemahaman yang mendalam. Tiada bukti *emperikal* bahawa kerangka *tazkiyah al-nafs*, *maqāmāt* atau rujukan kepada *turāth* muktabar menjadi komponen *sistemik* dalam kurikulum. Seiring dengan dapatan Norazlina dan Amir (2022), wujud jurang antara apa yang diajarkan secara formal dengan realiti epistemologi Islam. Walau bagaimana pun usaha yang berjalan tersebut dilihat berjaya membuka akses awal, namun belum memadai membentuk kefahaman menyeluruh yang menjadikan Islam sebagai kerangka pentafsiran utama.

Tema kedua yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah pembelajaran secara tidak formal, yang merangkumi pelbagai bentuk sumber ilmu yang diperoleh di luar sistem pendidikan rasmi. Dalam kalangan GBK, pembelajaran tidak formal memainkan peranan yang dominan dalam membina kefahaman tentang pendekatan kaunseling Islam. Dapatan menunjukkan bahawa peserta kajian aktif menyertai kursus dan seminar seperti terapi spiritual (PK01, PK05), mengikuti *halaqah* ilmu (PK03, PK04), membaca buku-buku berkaitan kaunseling Islam (PK01, PK14, PK17), bimbingan secara langsung daripada tokoh-tokoh tersohor dalam bidang (PK01, PK03, PK17), seta pengalaman sendiri, khususnya melalui perkongsian bersama rakan sejawat, turut menjadi medan penting yang memperkaya kefahaman dan amalan mereka (PK02, PK04, PK06). Sumber-sumber ini bukan sahaja memberi input teoritikal, bahkan lebih bersifat kontekstual, responsif terhadap realiti lapangan, dan mendorong integrasi nilai-nilai spiritual dalam sesi kaunseling.

Majoriti peserta kajian melaporkan bahawa sumber pengetahuan mereka diperoleh melalui pelbagai saluran tidak formal yang bersifat sendiri, fleksibel dan sangat bergantung kepada usaha individu. Antara bentuk paling dominan ialah penyertaan dalam kursus jangka pendek (PK01, PK05, PK06), seminar anjuran jabatan agama atau institusi berkaitan seperti Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa (PERKAMA) (PK06, PK10), serta pendedahan langsung kepada tokoh berpengaruh seperti Prof. Dr. Tajudin Ninggal, Prof. Madya Md Noor Saper dan Dr. Mizan Adiliah (PK01, PK03, PK17). Sebagai contohnya, seorang peserta menyebut, “*Saya ikuti kursus terapi kesedaran spiritual... sekarang rebranding kepada mindfulness*” (PK01/48–50), menggambarkan inisiatif individu dalam meneroka dimensi spiritual melalui laluan alternatif.

Pendekatan tidak formal ini menyumbang kepada pengalaman pembelajaran yang bersifat rohaniah dan *aplikatif*. Namun, dapatan turut menunjukkan bahawa kaedah ini sering tidak disandarkan kepada penyeliaan ilmiah atau kerangka *epistemik* yang tersusun. Hal ini seiring dengan kebimbangan Basri dan Kalida (2024) bahawa pendekatan berbasis komuniti atau *peer-learning* tanpa kawalan akademik boleh membawa kepada penyimpangan maklumat

atau pengetahuan yang tidak *tervalidasi*. Salah seorang peserta menyatakan secara jujur: “*Saya cuma ambil kursus-kursus yang dianjurkan sahaja, tidak ada sijil ikhtisas*” (PK19/58–59), menunjukkan keterbatasan legitimasi sumber.

Lebih membimbangkan, kebanyakan peserta tidak menyebut langsung rujukan kepada teks *turāth* seperti *al-Risālah al-Qushayriyyah* atau *Qūt al-Qulūb*. Ini sekaligus menampakkan kesenjangan antara pengetahuan yang diamalkan dengan akar tradisi. Ini menimbulkan implikasi *epistemik* yang besar iaitu apabila pengetahuan spiritual diperoleh dalam bentuk terpecah-pecah tanpa sandaran kepada kerangka wahyu dan tasawuf muktabar. Dalam situasi ini kaunseling Islam berisiko bergerak dalam ruang *sinkretisme* (pencampuran tanpa tapisan akidah), bukan sebagai wacana ilmu yang tersusun dan berprinsip (Rassool, 2021).

Kedua-dua tema di atas menunjukkan bahawa walaupun GBK memiliki motivasi yang tinggi untuk menguasai kaunseling Islam, sumber pengetahuan yang digunakan masih belum melalui proses pemurnian epistemologi. Pendidikan formal menyumbang kepada asas konseptual tetapi kurang memberi pengukuhan spiritual, manakala pendidikan tidak formal membekalkan pengalaman *aplikatif* tetapi rentan dari aspek kesahihan dan sistematik. Oleh itu, satu model latihan bersepadu yang menyatukan elemen *wahyiyah*, *turāth*, dan teori moden yang ditapis *maqāsid* diperlukan bagi memastikan pendekatan kaunseling Islam di sekolah Malaysia benar-benar berpaksikan tradisi dan tidak terlerai dari akar *epistemiknya*.

Perbincangan

Dapatan kajian ini mengesahkan bahawa wujudnya jurang struktur yang besar dalam pemerolehan pengetahuan kaunseling pendekatan Islam dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK). Meskipun dua tema utama iaitu pembelajaran secara formal dan tidak formal menunjukkan kesungguhan para peserta memperkukuh kefahaman mereka. Proses ini berlangsung dalam landskap yang tidak diselaraskan oleh mana-mana autoriti rasmi, dan lebih membimbangkan, tidak berpandukan hierarki epistemologi Islam secara konsisten.

Dalam pembelajaran formal, institusi pengajian tinggi menyediakan ruang pengenalan kepada pendekatan Islam, namun pengisiannya terbatas kepada subjek pilihan, integrasi umum dalam silibus, dan kajian mini-tesis yang bersifat pengenalan. Tiada satu silibus nasional atau kurikulum standard yang mewajibkan penguasaan terhadap teks *turāth* atau prinsip asas seperti *tazkiyah al-nafs* yang menjadi asas kaunseling Islam. Seperti ditegaskan oleh Norazlina dan Amir (2022), keadaan ini menjadikan amalan kaunselor Muslim bersifat *adaptif* secara peribadi tetapi tidak dipandu oleh kerangka ilmu yang tuntas dan berpaksikan wahyu.

Dalam pembelajaran tidak formal pula, keterlibatan peserta dengan kursus, seminar dan *halaqah* memperlihatkan inisiatif tinggi untuk mendalami pendekatan Islam. Namun, seperti yang dinyatakan oleh peserta PK19, “*Saya cuma ambil kursus-kursus yang dianjurkan sahaja, tidak ada sijil ikhtisas*” dan PK01, “*Saya ikuti kursus terapi kesedaran spiritual...*”, bentuk pemerolehan ini tidak disertai oleh pengiktirafan profesional mahupun jaminan kesahihan kandungan. Dapatan ini menunjukkan wujudnya kebimbangan *epistemik* yang nyata apabila

penyampaian ilmu berlaku di luar kerangka kawal selia, maka risiko penyimpangan atau *sinkretisme* menjadi tinggi (Badri, 2020; Basri & Kalida, 2024).

Lebih kritikal, dapatan menunjukkan bahawa tiada konsistensi dalam pemilihan mazhab, pendekatan tasawuf, atau rujukan kepada *manhaj* Ahli Sunnah Waljamaah dalam mana-mana bentuk latihan yang diikuti. Walaupun beberapa tokoh sering dirujuk, tiada satu entiti yang menyelia sama ada pengajaran mereka kekal patuh pada prinsip akidah dan mazhab syarak arus perdana. Seorang peserta malah menyebut bahawa sebahagian kursus kini telah “*rebranding kepada mindfulness*” (PK01), suatu isyarat jelas bahawa amalan *psikospiritual* telah mula dicampur aduk dengan konsep kontemporari, tanpa penilaian kritikal terhadap sempadan syarak.

Fenomena ini selari dengan dapatan kajian yang menyatakan bahawa tiada garis panduan nasional atau standard epistemologi yang menyelaras kandungan, pendekatan dan objektif latihan tersebut, dan tiada konsensus tentang silibus, sumber rujukan mahupun keperluan latihan berasaskan *maqām* spiritual atau kerangka *tazkiyah al-nafs*. Maka, apa yang berlaku ialah wujudnya *fragmentasi epistemologi* yang mana para kaunselor membina kefahaman melalui laluan yang sah dari sudut niat, tetapi terputus dari sistem keilmuan Islam yang lengkap, bersanad, dan berpaksikan *maqāsid*.

Bagi menangani keadaan ini, kajian ini mencadangkan pembentukan satu Model Rangka Latihan Kaunseling Islam Bersepadu, yang berpandukan tiga lapis kompetensi: (1) Tahap asas, iaitu pemantapan akidah, adab, dan konsep asas jiwa dalam Islam; (2) Tahap pertengahan, iaitu latihan *integratif* yang memadukan teori Barat dengan kerangka *turāth* berdasarkan tapisan nilai; dan (3) Tahap lanjutan, iaitu keupayaan membina modul sendiri, menilai keberkesanan intervensi spiritual dan menyelia praktikal lapangan berasaskan *maqāmāt* dan *maʿrifatullāh*.

Model ini perlu ditadbir dan diaudit oleh badan autoritatif yang berpegang kepada akidah Ahli Sunnah Waljamaah dan mazhab *Shāfiʿī*. Ini bukan sahaja untuk menjamin kesahihan ilmu, tetapi juga untuk membina kod etika, modul latihan dan tapisan bahan rujukan yang sah dari sudut syarak dan profesionalisme. Sebagaimana ditegaskan oleh Rassool (2023). Tanpa struktur *epistemik* yang diselaraskan oleh autoriti keilmuan Islam, pendekatan kaunseling Islam akan kekal berada dalam ruang marginal. Iaitu hidup di pinggir wacana Barat, tetapi belum menjadi kerangka ilmu yang sah dan lestari dalam sistem pendidikan negara.

Implikasi dan Cadangan

Dapatan kajian ini membawa implikasi yang signifikan terhadap pembinaan dasar latihan, penstrukturan epistemologi, serta pembangunan profesional GBK. Ketiadaan garis panduan nasional dan tiadanya kawal selia berasaskan kerangka epistemologi Islam telah mengakibatkan proses pemerolehan ilmu dalam kalangan GBK berlaku secara terpecah, tidak konsisten, dan berisiko *sinkretik*. Hal ini memberi isyarat bahawa sistem sedia ada tidak lagi mencukupi untuk

menjamin integriti amalan kaunseling pendekatan Islam dalam konteks pendidikan kebangsaan. Secara *epistemik*, wujud keperluan mendesak untuk mengangkat kaunseling Islam daripada satu pendekatan improvisasi individu kepada sebuah wacana keilmuan yang tersusun, bersumber dan diselia. Apabila majoriti peserta memperoleh ilmu melalui saluran tidak formal tanpa tapisan ilmu *turāth*, tanpa pengesahan mazhab dan tanpa semakan nilai *maqāṣid*, maka pendekatan yang dibangunkan berisiko tergelincir dari orbit syarak dan menyesuaikan Islam kepada kerangka psikologi Barat, bukan sebaliknya. Implikasi ini perlu ditanggapi dengan serius kerana ia melibatkan hakikat arah tuju amalan profesional yang menyentuh soal akidah, keabsahan syarak dan kemurnian niat dalam terapi jiwa.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar Kementerian Pendidikan Malaysia, Lembaga Kaunselor Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Institusi Pengajian Tinggi berganding tenaga membentuk Rangka Piawaian Latihan Kaunseling Islam yang berasaskan *hierarki ilmu Islam*. Bermula daripada sumber wahyu (al-Quran dan sunnah), disusuli dengan pemaknaan *turāth* (seperti *Iḥyāʾ*), dan ditapis melalui prinsip *maqāṣid* dalam pengaplikasian moden. Piawaian ini perlu merangkumi struktur silibus latihan, kod etika, keperluan penyeliaan berautoriti, serta sistem akreditasi latihan profesional berteraskan mazhab Ahli Sunnah Waljamaah.

Dalam jangka panjang, satu model latihan bersepadu bertahap wajar dibangunkan sebagai kerangka nasional: pada tahap asas, kaunselor perlu menguasai konsep *qalb*, *nafs*, dan akhlak melalui pengajian ilmu fardu ain dan tasawuf muktabar; pada tahap pertengahan, latihan integratif yang mengkritik teori Barat melalui lensa Islam perlu dilaksanakan secara sistematik; manakala pada tahap lanjutan, kaunselor seharusnya mampu membina modul intervensi spiritual, menilai kesan *tazkiyah* dalam sesi, dan menyelia amalan lapangan berdasarkan spiritual klien.

Akhirnya, apa yang disarankan bukan sekadar reformasi struktur latihan, tetapi pemulihan semula wibawa ilmu kaunseling Islam sebagai satu sistem keilmuan yang berpaksikan ketuhanan, bukannya bergantung kepada adaptasi Barat. Hanya dengan penyusunan semula epistemologi, penyatuan autoriti, dan penyelarasan latihan di peringkat nasional, kaunseling Islam di sekolah mampu berkembang sebagai sebuah amalan yang sah, lestari dan membawa makna syarak dalam kehidupan insan yang sedang mencari makna.

Kesimpulan

Kajian ini membongkar realiti epistemologi kaunseling Islam di sekolah Malaysia yang berkembang dalam ruang yang aktif tetapi belum disusun secara *sistemik*. Meskipun wujud kesungguhan dalam kalangan GBK untuk memperoleh pengetahuan melalui pelbagai saluran formal dan tidak formal, proses ini berlaku dalam ekosistem ilmu yang terputus daripada hierarki wahyu dan *turāth*. Ketiadaan silibus standard, ketidaksamaan sumber rujukan, serta tiadanya penyeliaan berteraskan mazhab dan nilai *maqāṣid* menjadikan pendekatan yang diamalkan berisiko untuk terus kekal bersifat *eklektik*, longgar dan tidak konsisten secara syarak

mahupun profesional. Sehubungan itu, kajian ini menyarankan beberapa reformasi kritikal bagi memperkuat landasan amalan kaunseling pendekatan Islam di sekolah. Kajian lanjutan dicadangkan untuk meneliti bagaimana GBK menilai kesahihan dan keserasian epistemologi sumber ilmu kaunseling Islam yang mereka gunakan, khususnya dalam ketiadaan garis panduan rasmi. Penyelidikan ini penting bagi memahami tahap kesedaran kritikal GBK dalam membezakan antara sumber yang berautoriti dan tidak berautoriti.

Rujukan

- Abu Raiya, H. (2015). Working with religious Muslim clients: A dynamic, Qura'nic-based model of psychotherapy. *Spirituality in Clinical Practice*, 2(2), 120–133. <https://doi.org/10.1037/scp0000068>
- Abu Raiya, H., & Pargament, K. I. (2011). Empirically based psychology of Islam: Summary and critique of the literature. *Mental Health, Religion and Culture*, 14(2), 93–115. <https://doi.org/10.1080/13674670903426482>
- Askar, A., Nurdin, N., Pettalangi, A., Pettalangi, S. S., & Basire, J. H. I. T. (2025). Online Islamic knowledge sources and their authority in Islamic learning: a case study of Indonesian Muslim universities. *Cogent Education*, 12(1). <https://doi.org/10.1080/2331186X.2025.2504236>
- Badri, M. (2020). Islamization of Psychology : Its “ Why”. Its “ What”, Its “ How” and Its “ Who.” *International Journal of Islamic Psychology*, 3(3), 22–33. <https://doi.org/10.35632/ajis.v15i4.2144>
- Basri, A. S. H., & Kalida, M. (2024). Penguatan Karakter Konselor Islam Profesional Melalui Pelatihan Konseling Sebaya Bagi Calon Konselor Islam. 1(4), 7–10.
- Cresswell, J. . (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed methods approaches*. Sage Publications, Inc. <https://doi.org/10.2307/3152153>
- DeCuir, A. (2025). A critical decolonial discourse analysis of secular education leadership practices impacting a local Muslim community. *Journal of Educational Administration and History*, 0620(May), 1–23. <https://doi.org/10.1080/00220620.2025.2502163>
- Hafiza, A., Haziah, S., & Rashdeen, R. (2024). The Impact of Organizational Culture on Knowledge Sharing in an Islamic Perspective. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(8), 421–434. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v14-i8/17706>
- Hamid, A., Irawanto, Riky Welly Saputra, Khairiry, M., & Noor Yuliannisa, S. (2022). Competence Analysis of Islamic Religious Counselors at the Office of the Ministry of Religion in Kapuas Regency. *East Asian Journal of Multidisciplinary Research*, 1(11), 2491–2506. <https://doi.org/10.55927/eajmr.v1i11.2293>

- Kartika, R. F., Rohmah, S., Saidah, K., Fakhurrazi, F., & Safira, N. (2022). Peningkatan Kompetensi Calon Konselor Pada Mahasiswa Hki Fai Umj Melalui Pelatihan Konseling. *AN-NAS: Jurnal Pengabdian Masyarakat*, 2(1), 7. <https://doi.org/10.24853/an-nas.2.1.7-12>
- Keskinoğlu, M. Ş., & Ekşi, H. (2019). Islamic Spiritual Counseling Techniques. *Spiritual Psychology and Counseling*, 4(3), 333–350. <https://doi.org/10.37898/spc.2019.4.3.069>
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). John Wiley & Sons Inc.
- Muhammad Ashraf, F., Tan Nya-Ling, C., Thurasamy, R., Oluwaseyi Ojo, A., & Ibrahim, S. (2019). Muslim academics' knowledge sharing in Malaysian higher learning institutions. *Journal of Islamic Marketing*, 10(2), 378–393. <https://doi.org/10.1108/JIMA-10-2017-0111>
- Norazlina, Z., & Amir, A. (2022). Kaunseling Perspektif Islam: Cabaran Kaunselor Dan Perspektif Klien Masa Kini. *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective*, 1(1), 18–28.
- Osei-tutu, A., & Afram, A. A. (2023). Conceptualizations and Models of Muslim Counseling in Ghana. *Journal of Muslim Mental Health*, 17(2), 1–21. <https://doi.org/10.3998/jmmh.181>
- Permana, I., Kusumastiwi, T., & Rizqi, M. A. (2021). Peningkatan Kapasitas Pendamping Dalam Deteksi Dini Masalah Kesehatan Mental Mahasiswa Unires Umy. *SELAPARANG Jurnal Pengabdian Masyarakat Berkemajuan*, 4(2), 52. <https://doi.org/10.31764/jpmb.v4i2.3997>
- Rassool, G. H., & Ahmed Khan, W. N. (2023). Hope in Islāmic Psychotherapy. *Journal of Spirituality in Mental Health*, 00(00), 1–15. <https://doi.org/10.1080/19349637.2023.2207751>
- Razak, A., Alwi, M. A., & Piara, M. (2022). Efektivitas Pelatihan Konseling Al Qur'an dalam Meningkatkan Resiliensi Mahasiswa. *Jurnal Psikologi TALENTA*, 7(2), 69. <https://doi.org/10.26858/talenta.v7i2.33773>
- Roslina, O., & Siti Fatimah, M. (2021). Ontological methodologies for counselling intervention: Do'a and Zikr Al-Mā'thur corpus. *Baghdad Science Journal*, 18(2), 856–870. [https://doi.org/10.21123/bsj.2021.18.2\(Suppl.\).0856](https://doi.org/10.21123/bsj.2021.18.2(Suppl.).0856)
- Rothman, A., Ahmed, A., & Awaad, R. (2022). The Contributions and Impact of Malik Badri: Father of Modern Islamic Psychology. *American Journal of Islam and Society*, 39(1–2), 190–213. <https://doi.org/10.35632/ajis.v39i1-2.3142>
- Rothman, A., & Coyle, A. (2021). The Clinical Scope of Islamic Psychotherapy: A Grounded Theory Study. In *Spirituality in Clinical Practice* (Vol. 10, Issue 1). <https://doi.org/10.1037/scp0000282>
- Setyawan, D. A. (2020). Aktualisasi diri untuk mengembangkan kompetensi profesional calon konselor. *JURKAM: Jurnal Konseling Andi Matappa*, 4(2). <https://doi.org/https://doi.org/10.31100/jurkam.v4i2.546>

- Tanhan, A., & Young, J. S. (2022). Muslims and Mental Health Services: A Concept Map and a Theoretical Framework. In *Journal of Religion and Health* (Vol. 61, Issue 1). Springer US. <https://doi.org/10.1007/s10943-021-01324-4>
- Yin, R. K. (2018). Case Study Research and Applications: Design and Methods. In *Journal of Hospitality & Tourism Research* (6th ed., Vol. 53, Issue 5). Sage Publications Ltd. <https://doi.org/10.1177/109634809702100108>
- Yusni, M. Y., Nur Diyanah, M. S., Wan Norhayati, W. O., & Zaida. Nor Zainudin. (2023). Spiritual Elements in Counseling Process: Counselors' Perspective. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(3). <https://doi.org/10.6007/ijarped/v12-i3/19329>